

NGO berhimpun desak haramkan Dong Zong

Perhimpunan turut tuntut semua pihak hormati bahasa Melayu

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kira-kira 500 orang berhimpun secara aman mendesak Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) diharamkan berhubung isu pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular.

Perhimpunan anjuran bersama beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antaranya Gerakan Pembela Ummah Malaysia (Ummah) dan Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (GAMIS) turut menuntut semua pihak menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Presiden GAMIS, Saifullah Baduri, menjelaskan tindakan Dong Zong bertentangan dan menyialhi Akta Pendidikan 1996 serta Akta Bahasa Kebangsaan 1963.

"Pembelajaran Jawi di semua sekolah, termasuk sekolah vernakular bertepatan dengan Perlembagaan Persekutuan, namun



Sebahagian NGO berhimpun secara aman mendesak Dong Zong diharamkan dalam perhimpunan di pekarangan sebuah pusat beli-belah di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

tindak-tanduk Dong Zong menghalang (pembelajaran Jawi) mengganggu perpaduan.

"Kami kecewa dengan tindakan Dong Zong yang sekali lagi cuba memporak-perandakan perpaduan kaum dengan menyemai sikap antinasionalisme.

"Perhimpunan hari ini mendesak Dong Zong diharamkan," katanya ketika berucap dalam perhimpunan itu pekarangan sebuah pusat beli-belah di sini, semalam.

Saifullah berkata, pihaknya akan menghantar memorandum kepada Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, bagi mempertahankan kedaulatan tulisan Jawi.

nah Iskandariah, bagi mempertahankan kedaulatan tulisan Jawi.

Sementara itu, Ketua Penerangan Pemuda PAS, Khairul Nazir Helmi, mempersoalkan tindakan Dong Zong yang didakwa sengaja memperbesarkan isu pembelajaran Jawi.

"Isu pembelajaran Jawi hanya tiga muka surat, tetapi mereka memperbesarkan isu ini. Mereka sengaja mengambil kesempatan. Ada juga parti politik berkepentingan menggunakan isu ini semata-mata untuk mendapatkan undi," katanya.

Terdahulu, kumpulan berbaju

putih itu berkumpul di pekarangan Masjid Jamek kira-kira jam 2 petang sebelum berarak dan berhimpun di hadapan pusat beli-belah berkenaan sambil dipantau polis. Mereka bersurai kira-kira jam 3.30 petang tanpa kecohkan.

Dong Zong dan Gabungan Persekutuan Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) dilaporkan mahu menganjurkan kongres isu pembelajaran tulisan Jawi.

Bagaimanapun, penganjuran kongres itu dibatalkan selepas polis mendapatkan perintah mahkamah melarang kongres itu dianjurkan.